

Berita Harian Januari 2020

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
1	Ahad 5 Januari 2020	Lebuhraya Pan Borneo Sabah diteruskan - Shafie	Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal	3
2	Isnin 6 Januari 2020	Jho Low dakwa jadi kambing hitam kes 1MDB	1 Malaysia Development Berhad (1MDB)	5
3	Selasa 7 Januari 2020	Terkejut RM42 juta masuk akaun, Najib akui tidak pulangkan	SRC International Sdn Bhd	7
4	Selasa 7 Januari 2020	Siapa yang sanggup palsukan tandatangan Najib?	SRC International Sdn Bhd	10
5	Rabu 8 Januari 2020	Dzulrifli kongsi hasil siasatan dengan Najib - SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	12
6	Rabu 8 Januari 2020	Skandal 1MDB: Najib didakwa minta bantuan putera raja selamatkan Riza	1 Malaysia Development Berhad (1MDB)	15
7	Rabu 8 Januari 2020	Skandal 1MDB: Kerabat diraja asing, anak tiri Najib antara 20 nama didedah SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	17
8	Khamis 9 Januari 2020	Majlis Peguam mahu rakaman audio disiasat	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	19
9	Khamis 9 Januari 2020	Najib berhubung dengan Jho Low mengenai transaksi cek	SRC International Sdn Bhd	21
10	Khamis 9 Januari 2020	Sebahagian rakaman audio diserahkan kepada polis - Latheefa	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	23
11	Isnin 13 Januari 2020	Najib arah beli semula Merdeka Palace - Saksi	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	25
12	Isnin 13 Januari 2020	Arul bangkitkan beberapa perkara untuk digugurkan - Saksi	1 Malaysia Development Berhad (1MDB)	27
13	Isnin 13 Januari 2020	Bekas KSN larang cetak laporan audit 1MDB sebelum Najib setuju - Saksi	1 Malaysia Development Berhad (1MDB)	29

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
14	Selasa 14 Januari 2020	'Kami mahu jaga (kepentingan) kepemimpinan' rujuk kepada PM - Saksi	1 Malaysia Development Berhad (1MDB)	30
15	Khamis 16 Januari 2020	Hanya 60 peratus maklumat daripada 1MDB diperoleh untuk laporan audit	1 Malaysia Development Berhad (1MDB)	32
16	Selasa 21 Januari 2020	Shahrir mengaku tidak bersalah	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	34
17	Selasa 21 Januari 2020	Keputusan Najib boleh panggil pakar sah tandatangan esok	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	36
18	Selasa 21 Januari 2020	Najib akui pencapaian terbesar SRC hanya 'parking' duit di Switzerland	SRC International Sdn Bhd	38
19	Rabu 22 Januari 2020	Najib mengaku belanja, tapi tidak tahu ia wang SRC	SRC International Sdn Bhd	40
20	Khamis 23 Januari 2020	Najib tidak periksa pemilik Tanore	SRC International Sdn Bhd	42
21	Jumaat 24 Januari 2020	Riza Aziz berdepan saman RM1.2b	1 Malaysia Development Berhad (1MDB)	44
22	Sabtu 25 Januari 2020	Asyraf digesa lapor polis, SPRM dakwaan skandal TH	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	46
23	Khamis 30 Januari 2020	Pendakwa Raya tolak representasi Kasitah Gadam	1 Malaysia Development Berhad (1MDB)	47
24	Jumaat 31 Januari 2020	Koop Sahabat peruntuk RM54.8 juta pembiayaan i-Lestari untuk bantu usahawan	Pengerusi, Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad (Koop Sahabat) Mohd Najib Mohd Noor	49



Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal bersama Ketua WARISAN Kimanis, Datuk Karim Bujang (dua dari kiri) yang diumumkan sebagai calon WARISAN bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Kimanis ketika hadir di Majlis Pelancaran Jentera Pilihan Raya Parti Warisan Sabah bagi PRK Kimanis di Dewan Terbuka Membakut pada Khamis lalu.

1. Lebuhraya Pan Borneo Sabah diteruskan - Shafie

MEMBAKUT: Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, memberi jaminan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah akan diteruskan menggunakan pendekatan dan formula baharu.

Katanya, struktur baharu bagi mengurus pembinaan lebuhraya bernilai berbilion ringgit itu akan mengurangkan kos pelaksanaan projek.

"Projek masih diteruskan tetapi kita mahu menjimatkan wang. Kerajaan membelanjakan RM26 juta ketika projek itu diurus rakan penyampai projek (PDP).

"Sehingga kini, kita membelanjakan RM900 juta untuk pampasan tanah tetapi jalannya belum kelihatan," katanya pada program sambutan Krismas dan Tahun Baharu, di sini.

Mohd Shafie mengulas dakwaan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, mengenai pembatalan PDP yang menyebabkan projek itu terhenti.

Najib turut mendakwa keputusan itu menyebabkan Kimanis berdepan masalah perhubungan dan kurang kemajuan.

Mohd Shafie yang juga Menteri Kewangan negeri, berkata projek akan diurus badan yang dipengerusikan Setiausaha Kerajaan negeri dan merangkumi wakil daripada Kementerian Kewangan serta Kementerian Kerja Raya negeri dan persekutuan.

Katanya, keputusan membatalkan PDP juga berdasarkan pertimbangan syarikat perunding dimiliki ahli parti politik.

Sementara itu, Menteri Pembangunan Infrastruktur negeri, Datuk Peter Anthony, berkata kerajaan dapat menjimatkan lebih RM1 bilion selepas Kerajaan Persekutuan menghentikan syarikat PDP.

Beliau turut menyangkal kenyataan Najib bahawa Lebuhraya Pan Borneo adalah hadiah daripada kerajaan sebelum ini kepada rakyat Sabah.

"Hasil dari Sabah dibawa ke Kuala Lumpur. Sudah menjadi tanggungjawab kerajaan Persekutuan membina jalan raya di Sabah, bukannya diberi sebagai hadiah," katanya.



AHLI perniagaan paling dikehendaki, Low Taek Jho.

2. Jho Low dakwa jadi kambing hitam kes 1MDB

KUALA LUMPUR : Ahli perniagaan paling dikehendaki, Low Taek Jho atau lebih dikenali sebagai Jho Low menafikan bahawa beliau adalah perancang utama skandal 1 Malaysia Development Berhad (1MDB) seperti yang digambarkan.

Dalam wawancara pertama bersama media sejak meninggalkan Malaysia pada 2015, pelarian paling dikehendaki itu memberitahu The Straits Times bahawa beliau hanya kambing hitam dalam skandal kewangan berjumlah berbilion dolar itu.

"Hakikatnya adalah saya menjadi sasaran mudah untuk semua individu berkenaan memandangkan saya bukan ahli politik," katanya dipetik akhbar harian Singapura itu dalam satu rencana soal jawab yang diterbitkan hari ini, secara kebetulan serentak dengan perbicaraan bekas perdana menteri, Datuk Seri Najib Razak berhubung kes SRC International.

Anak kelahiran Pulau Pinang itu menggambarkan dirinya sebagai orang tengah yang diminta 'membantu' kerajaan Malaysia dan pihak di Asia Barat susulan hubungan baik dimiliki dengan ahli perniagaan asing terkenal dan beberapa pembuat dasar.

Jho Low bagaimanapun tidak mendedahkan identiti individu terbabit, sama ada beliau adalah rakyat Malaysia atau sebaliknya.

Katanya, kes 1MDB dan SRC turut membabitkan beberapa ahli perbankan antarabangsa, peguam, dan profesional bebas yang bertindak sebagai penasihat dan menyokong syarikat terbabit dalam proses dijalankan.

"Atas semua faktor itu, segala perhatian diberikan oleh media kepada saya berbanding pihak sebenar yang bertanggungjawab adalah sangat luar biasa," katanya.

Low sekali lagi menggambarkan dirinya sebagai orang tengah, iaitu individu yang 'berkhidmat untuk manfaat kerajaan Malaysia dan membantu hubungan antara kerajaan.

Beliau menggambarkan peranannya sebagai orang tengah kerajaan bagi membantu mewujudkan hubungan secara langsung atau tidak langsung dalam membantu Malaysia, termasuk rakyat Malaysia yang terkandas dalam krisis di Mesir untuk kembali dengan selamat melalui Arab Saudi dan pertambahan kuota haji.

Katanya, beliau membantu mengukuhkan hubungan bilateral antara Malaysia dan Arab Saudi ketika di bawah pentadbiran Najib.

"Ia dapat dilihat menerusi pelbagai mesyuarat dan komunikasi antara Datuk Seri Najib dan Raja Arab Saudi ketika itu, serta Menteri Kewangan Arab Saudi.

"Dalam satu kes, kerajaan Arab Saudi mengatur delegasi rasmi untuk terbang ke Lapangan Terbang Subang bago menghadiri mesyuarat bersama Najib di Malaysia," dakwanya. - Agensi



Najib mengakui terkejut mendapat tahu wang berjumlah RM42 juta daripada SRC International Sdn Bhd dalam akaun bank miliknya

3. Terkejut RM42 juta masuk akaun, Najib akui tidak pulangkan

KUALA LUMPUR: Mengakui terkejut mendapat tahu wang berjumlah RM42 juta daripada SRC International Sdn Bhd dalam akaun bank miliknya, bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengakui tidak memulangkan kepada syarikat berkenaan.

Najib yang membela diri terhadap tuduhan pecah amanah, rasuah dan pengubahan wang haram dana SRC, mendakwa mengambil keputusan tidak memulangkan wang terbabit dengan alasan masih tertakluk kepada siasatan pihak berkuasa.

Ahli Parlimen Pekan itu ketika menjawab soalan balas Timbalan Pendakwa Raya, Datuk V Sithambaram, berkata beliau tidak memulangkan wang itu kerana mahu menunggu hasil siasatan dijalankan

Najib berkata, ketika wang itu dipindah masuk ke dalam akaunnya iaitu pada Disember 2014 dan Februari 2015, beliau sememangnya tidak mengetahui dana terbabit adalah daripada sumber SRC International.

Katanya, beliau hanya mengetahui mengenai sumber wang itu daripada SRC International, selepas perkara itu menjadi isu kemudian.

Sithambaram bagaimanapun tetap mengasak Najib berhubung isu wang itu menyebabkan kedua-dua pihak berbalas kata-kata.

Sithambaram: Sebelum ini Datuk Dr Shamsul Anwar Sulaiman (Pengarah Urusan Ihsan Perdana Sdn Bhd) beri keterangan bahawa kamu terkejut bila mengetahui duit itu milik SRC. Mengapa tidak pulangkan wang itu?

Najib: Saya hendak tengok hasil siasatan

Sithambaram: Ia bukan mengenai hasil siasatan tetapi ia mengenai duit banyak yang masuk dalam akaun kamu... Kamu masih hendak tunggu hasil siasatan? Ok laa...

Sithambaram: Saya katakan bahawa kamu tidak memulangkan wang berkenaan?

Najib: Ya

Sithambaram: Saya katakan bahawa kamu menganggap duit itu seperti kepunyaan kamu... Secara munasabah, ia hendaklah dipulangkan

Najib: Ia tertakluk kepada siasatan

Sithambaram: Ia hanya munasabah jika wang itu dipulangkan?

Najib: Jika saya tahu, ya

Sithambaram: Soalan saya mudah. Wang itu perlu dipulangkan kepada SRC

Najib: Saya bersedia untuk berbuat demikian tertakluk kepada siasatan

Menjawab isu lain, Najib tidak bersetuju dengan cadangan Sithambaram bahawa beliau adalah penyebab kepada hutang RM9.3 bilion yang ditanggung kerajaan membabitkan skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Soalan Sithambaram berhubung wang SRC yang dimasukkan ke dalam akaun peribadi Najib adalah berdasarkan kepada afidavit diikrarkannya dalam saman sivil dikemukakan beliau terhadap bekas Menteri Pengangkutan Tun Dr Ling Liong Sik.

Kandungan afidavit itu dikemukakan Sithambaram ketika menyoal balas Najib.

Sithambaram: Apa yang kamu tidak tahu berdasarkan kepada afidavit ini, adalah wang yang dimasukkan ke dalam akaun kamu dipindah masuk melalui dua syarikat.

Najib: Tidak... tidak. Saya tidak tahu ia adalah duit SRC, itu yang saya maksudkan.

Sithambaram: Saya katakan bahawa apa yang kamu tidak tahu ialah wang itu dimasukkan melalui syarikat Gandingan Mentari Sdn Bhd dan Ihsan Perdana Sdn Bhd. Perkara ini yang kamu tidak tahu.

Najib: Saya tidak tahu ia wang SRC. Muktamad.

Sithambaram: Saya katakan kamu mengetahui sumber wang itu.

Najib: Saya tidak bersetuju

Pada prosiding itu, Sithambaram turut menimbulkan persoalan berhubung pihak mana yang sanggup memalsukan tandatangan Najib seperti dinyatakan.

Sithambaram membangkitkan persoalan itu kepada Najib yang ketika itu menurutnya adalah individu yang memegang kuasa selaku Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Najib sebelum itu memberitahu Mahkamah Tinggi, bahawa dokumen Minit Mesyuarat SRC International berkaitan pinjaman dana RM4 bilion syarikat itu daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) yang mengandungi tandatangannya, dipalsukan.

Sithambaram: Selaku Perdana Menteri dan Menteri Kewangan iaitu orang paling berkuasa, siapa sanggup palsukan tandatangan kamu?

Najib: Ini bukan soalan yang adil.

Sithambaram: Soalan ini adil, ia sangat mudah. Kamu individu yang memegang kuasa dan SRC adalah syarikat berkaitan kerajaan di bawah Menteri Kewangan (Diperbadankan), malah kamu sentiasa menyatakan tandatangan kamu dipalsukan. Siapa mampu berbuat demikian?

Najib: Datuk Suboh (bekas Pengarah SRC International, Datuk Suboh Md Yassin) juga pernah mendakwa tandatangannya dipalsukan.

Sithambaram: Itu bukan soalnya. Saya tanya kamu yang mendakwa tandatangan kamu dimanipulasi dan dipalsukan. Saya mahu tahu siapa yang bertanggungjawab melakukannya. Ini adalah GLC (sambil meninggikan suara)

Najib: Saya tidak tahu.

Sithambaram: Sekarang kamu menyatakan Ahli Lembaga Pengarah bertindak melalui dokumen dipalsukan itu?

Najib: Ya

Sithambaram kemudian mencadangkan bahawa Najib tidak meminta dokumen asal selepas ditunjukkan dengan salinan dokumen berkenaan kerana mengetahui ia sebenarnya adalah tandatangan beliau (Najib), tetapi Najib bagaimanapun tidak bersetuju dengan cadangan itu.

Dalam keterangan kelmarin, Najib berkata, beliau sangsi dengan ketulenan tandatangannya apabila banyak penipuan didedahkan pada perbicaraan kes SRC yang dihadapinya.

Perkara itu timbul selepas Sithambaram mempersoalkan percanggahan antara kenyataan beliau kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan pernyataan saksinya di mahkamah.

Najib mendakwa bahawa apa yang ditunjukkan kepadanya oleh pegawai SPRM hanya dokumen salinan.



Najib hadir pada prosiding bela diri terhadap tuduhan pecah amanah, rasuah dan pengubahan wang haram dana RM42 juta SRC International di Mahkamah Kuala Lumpur.

4. Siapa yang sanggup palsukan tandatangan Najib?

KUALA LUMPUR: Pendakwaan hari ini menimbulkan persoalan berhubung pihak mana yang sanggup memalsukan tandatangan Datuk Seri Najib Razak seperti yang dinyatakan bekas Perdana Menteri itu.

Timbalan Pendakwa Raya, Datuk V Sithambaram, yang menyoal balas Najib pada prosiding bela diri kes pecah amanah, rasuah dan pengubahan wang haram dana SRC International Sdn Bhd, membangkitkan persoalan itu kepada Najib yang ketika itu individu yang memegang kuasa selaku Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Najib sebelum itu memberitahu Mahkamah Tinggi, bahawa dokumen Minit Mesyuarat SRC International berkaitan pinjaman dana RM4 bilion syarikat itu daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) yang mengandungi tandatangannya, dipalsukan.

Sithambaram: Selaku Perdana Menteri dan Menteri Kewangan iaitu orang paling berkuasa, siapa sanggup palsukan tandatangan kamu?

Najib: Ini bukan soalan yang adil

Sithambaram: Soalan ini adil ... ia sangat mudah. Kamu individu yang memegang kuasa dan SRC adalah syarikat berkaitan kerajaan di bawah Menteri Kewangan (Diperbadankan) (MKD), malah kamu sentiasa menyatakan tandatangan kamu dipalsukan. Siapa mampu berbuat demikian?

Najib: Datuk Suboh (bekas Pengarah SRC International, Datuk Suboh Md Yassin) juga pernah mendakwa begitu.

Sithambaram: Itu bukan soalnya... Saya tanya kamu yang mendakwa tandatangan kamu dimanipulasi dan dipalsukan. Saya mahu tahu siapa yang bertanggungjawab melakukannya. Ini adalah *GLC* (sambil meninggikan suara)

Najib: Saya tidak tahu

Sithambaram: Sekarang kamu menyatakan Ahli Lembaga Pengarah bertindak melalui dokumen dipalsukan itu?

Najib: Ya

Sithambaram kemudian mencadangkan bahawa Najib tidak meminta dokumen asal selepas ditunjukkan dengan salinan dokumen berkenaan kerana mengetahui ia sebenarnya adalah tandatangan beliau (Najib).

Najib bagaimanapun tidak bersetuju dengan cadangan Timbalan Pendakwa Raya itu.

Dalam keterangan semalam, Najib berkata beliau sangsi dengan ketulinan tandatangannya apabila banyak penipuan didedahkan pada perbicaraan kes SRC yang dihadapinya.

Perkara itu timbul selepas Sithambaram mempersoalkan percanggahan di antara kenyataan beliau kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan pernyataan saksinya di mahkamah.

Najib menegaskan bahawa apa yang ditunjukkan kepadanya oleh pegawai SPRM hanya dokumen salinan.



Datuk Seri Najib Razak (kiri) dan Tan Sri Dzulkifli Ahmad.

5. Dzulkifli kongsi hasil siasatan dengan Najib - SPRM

KUALA LUMPUR: Bekas Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Dzulkifli Ahmad, dipercayai membocorkan maklumat siasatan pihak berkuasa berhubung skandal SRC International Sdn Bhd (SRC) kepada bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada 2016.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Latheefa Koya, berkata klip audio yang diyakini tulen diterima pihaknya, menunjukkan pada 5 Januari 2016, Dzulkifli yang ketika itu bertugas sebagai Timbalan Pendakwa Raya di Jabatan Peguam Negara, memberi penjelasan kepada Najib, yang juga antara suspek utama, berhubung hasil siasatan berkaitan SRC.

Berdasarkan rakaman audio itu, Dzulkifli memaklumkan bahawa kandungan kertas siasatan (IP) itu tidak bagus kepada Najib, sekali gus mahu bertemu dengan bekas Perdana Menteri terbabit untuk berbincang lebih lanjut mengenai perkara berkenaan.

Dzulkifli: AG (Peguam Negara ketika itu - Tan Sri Mohamed Apandi Ali) dah terima benda tu (IP) Datuk Seri. Semalam kita terima IP tu, cadangan itu tidak begitu baik. Bila saya tengok, macam nak menangis.

Najib: Macam mana nak babitkan saya pula, saya tak terbabit langsung.

Dzulkifli: Masya-Allah.. Itu saya tak tahulah Datuk Seri. Amat jelas dalam itu Datuk Seri, saya sendiri ada IP itu. Saya diarahkan oleh Peguam Negara untuk bantu dia.

Dalam rakaman itu, Dzulkifli memberi jaminan kepada Najib, bahawa beliau dan Peguam Negara boleh menguruskan perkara terbabit dalam aspek perundangan, namun khuatir terhadap beberapa perkara lain, khususnya jika ia dibocorkan kepada umum.

Dzulkifli: Kita tidak tahu mereka akan bocor atau tidak. Ramai sekarang dah tahu. Panel khas dah lima orang, pegawai penyiasat lagi. Saya rasa lebih daripada 10 orang, hampir 20 orang. Kita nak lindungi macam mana Datuk Seri? Ini agak memeranjatkan juga.

Najib: Maknanya digula-gulakan ni?

Dzulkifli: Ya, sebab maklumat yang saya ada daripada IO (pegawai penyiasat) dalam pertemuan di rumah Tan Sri Gani (bekas AG, Tan Sri Abdul Gani Patail), Abu Kassim (bekas Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim Mohamed) beritahu AG, 'Tan Sri buat keputusan untuk tuduh sahajalah. Tan Sri pun nak bersara. Kamu akan dikenang orang ramai selepas ini. Ini perkataan digunakan Tan Sri Abu Kassim kepada Gani Patail. Dulu sebelum Gani Patail dipecat sebagai AG. Kalau Datuk Seri tengok masa itu, kita semua katakan Gani memang jahat. Tapi macam mana benda itu keluar daripada mulut Abu Kassim, seolah-olah dia mulakan benda itu. Sekarang Abu Kassim tak boleh kata dia nak cuci tangan, seperti dia tak terbabit dengan keputusan ini.

Najib: Hmm

Dzulkifli: Yang pelik tu Datuk Seri...tak pernah dalam sejarah SPRM.....

Dalam rakaman audio berasingan pada 17 Januari 2016, Dzulkifli juga memaklumkan maklumat terbaharu siasatan kepada Ahli Parlimen Baling, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim, sambil meminta perkembangan kes itu dimaklumkan kepada Najib.

Azeez: Semua terkawal?

Dzulkifli: Sekadar nak beritahu... Khamis lalu, saya sudah sediakan....satu dah siap...tadi baru selesai yang kedua, jadi semua dah siap. Esok kami akan beri taklimat kepada Peguam Negara.

Azeez: (audio kurang jelas)...esok hantar balik?

Dzulkifli: Esok jumpa Tan Sri (Peguam Negara) beri taklimat, tak tahulah kalau dia nak buat keputusan, mungkin kita terpaksa ambil kot, Datuk Seri.

Azeez: Mungkin antara dia nak hantar balik, ok. Dah hantar belah sana, minta...terima kasih, saya tahu awak buat yang terbaik.

Dzulkifli: Tak tahulah Tan Sri cakap apa. Datuk Seri ok?

Azeez: Ok. Dia kata lepas mesyuarat itu, dia nak tolak balik kat diorang. Minta ulasan dalam seminggu, lepas tu dua minggu betullah.

Dzulkifli: Saya dah dua minggu ni tak ada...

Azeez: Terima kasih. Jangan bimbang. Semua itu tercatat.

Dzulkifli: Nanti update Datuk Seri PM ya. Nanti apa-apa saya update you.

Azeez: Terima kasih, nanti apa-apa kita telefon ya.

Dalam rakaman pada 22 Januari 2016 pula, Dzulkfli menghubungi Abdul Azeez sekali lagi bagi memaklumkan individu tambahan yang dikaitkan dengan kes SRC International iaitu bekas Pengarah SRC International, Datuk Suboh Md Yasin; bekas CEO SRC International, Nik Faisal Ariff Kamil serta dua penanda tangan yang diberi kuasa oleh Ihsan Perdana Sdn Bhd, Datuk Dr Shamsul Anwar Sulaiman dan Datuk Abdul Aziz Ismail.

Dzulkifli: Tambah lagi dua. Shamsul, Nik, Suboh, Aziz.....

Azeez: Aziz mana?

Dzulkifli: Saya tak ingat...bukan Azeez Rahim lah (ketawa).

Azeez: Ok lah, Rosman (tidak pasti siapa) tak ada, Alhamdulillah, tak ada kena mengena dengan Tabung Haji. Pasti?

Dzulkifli: Pasti!.

Sementara itu, rakaman perbualan pada 26 Februari 2016, mendedahkan bekas Ketua Setiausaha Sulit kepada Najib, Tan Sri Shukry Mohd Salleh, meminta kertas pendakwaan lengkap daripada Dzulkifli.

Shukry: PM (Perdana Menteri) baca soal siasat...yang dana, PM nak fakta lengkap dana pergi ke akaun semua itu.

Dzulkifli: Set lengkap tak ada dekat saya, nak minta dekat SPRM. Kawan kita.

**BEKAS Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak****6. Skandal 1MDB: Najib didakwa minta bantuan putera raja selamatkan Riza**

PUTRAJAYA: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak didakwa meminta bantuan Putera Mahkota Abu Dhabi, Sheikh Mohammed Zayed Al Nahyan untuk menyelamatkan anak tirinya, Riza Shahriz Abdul Aziz daripada turut terpalit dengan skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Perkara itu terdedah berdasarkan rakaman suara perbualan telefon didakwa di antara Najib dengan Sheikh Mohammed, dipercayai pada 22 Julai 2016.

Rakaman berkenaan diperdengarkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada satu sidang media, di sini hari ini dan SPRM yakin rakaman berkenaan adalah tulen.

Dalam rakaman itu, individu yang didakwa sebagai bekas Perdana Menteri didengar membuat permohonan peribadi kepada Putera Mahkota itu supaya satu dokumen perjanjian pembiayaan diwujudkan di antara Riza dan Pengerusi International Petroleum Investment Company (IPIC), Sheikh Mansour Zayed Al Nahyan.

Najib juga didakwa memberitahu bahawa penyediaan dokumen berkenaan supaya dana diterima Riza bagi membiayai filem 'Wolf of Wall Street' dilihat sah di sisi undang-undang dan tidak akan didakwa sebagai pengubahan wang haram.

"Saya ada permintaan peribadi membabitkan Riza. Jika boleh ada satu perjanjian pinjaman dengan Sheikh Mansour, dia akan bayar balik mengikut jadual. Ini akan menunjukkan adanya pakej pembiayaan yang sah, ia bukan pengubahan wang haram.

"Ketika ini, dia (Riza) tertekan di Amerika Syarikat, kami risau dia akan dijadikan kambing hitam. Saya amat hormati jika perjanjian itu boleh ditandatangani secepat mungkin oleh Sheikh Mansour atau individu yang dilantik beliau," katanya seperti dalam rakaman berkenaan.

Dalam rakaman sama, Najib juga didakwa meminta untuk bertemu dengan Sheikh Mohammed dalam kadar segera untuk menyelesaikan isu membabitkan SRC secepat mungkin kerana ia berpotensi memalukan Malaysia dan UAE.

Rakaman suara berasingan dipercayai pada 23 Julai 2016 pula mendedahkan perbualan telefon di antara individu didakwa Najib dan Ketua Eksekutif Mubadala Development Company (MDC), Khaldoon Al-Mubarak, yang membincangkan aturan pertemuan di antara Khaldoon dan Riza.

Perbualan itu bertumpu kepada persetujuan supaya pertemuan pertama di antara Riza dan Khaldoon hanya membabitkan dua individu berkenaan tanpa kehadiran peguam sebelum memutuskan langkah seterusnya.



ANTARA nama yang didedah SPRM.

7. Skandal 1MDB: Kerabat diraja asing, anak tiri Najib antara 20 nama didedah SPRM

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini mendedahkan nama 20 individu yang dirakam, sama ada terbabit dalam perbualan atau disebut dalam rakaman perbualan berkaitan skandal dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan bekas anak syarikatnya, SRC International (SRC).

Senarai itu termasuk beberapa pemimpin asing, diperoleh daripada sembilan set rakaman perbualan berdurasi keseluruhan 45 minit yang diperdengarkan SPRM pada satu sidang media, di sini. SPRM yakin rakaman itu adalah tulen.

Perbualan yang dirakam membabitkan lapan individu, iaitu bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor; bekas Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad dan bekas Pengerusi Lembaga Tabung Haji, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim.

Yang lain adalah bekas Ketua Setiausaha Sulit Najib, Tan Sri Shukri Salleh; seorang lagi bekas pegawai khas Najib, Datuk Amhari Efendi Nazaruddin; Putera Mahkota Abu Dhabi, Sheikh Mohammed Zayed Al Nahyan dan Ketua Eksekutif Mubadala Development Company (MDC), Khaldoon Al-Mubarak.

Nama yang disebut dalam perbualan yang dirakam adalah seorang lagi bekas Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim Mohamed; Pengarah Urusan Ihsan Perdana Sdn Bhd (IPSB), Datuk Dr Shamsul Anwar Sulaiman dan bekas Pengarah Kewangan IPSB, Datuk Abdul Aziz Ismail.

Selain itu, bekas Pengarah SRC International (SRC), Datuk Suboh Md Yasin; bekas Ketua Pegawai Eksekutif SRC, Nik Faisal Ariff Kamil; bekas Ketua Setiausaha Sulit kepada Najib ketika menjabat

jawatan Perdana Menteri, Tan Sri Shukri Salleh dan dua bekas Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail serta Tan Sri Mohamad Apandi Ali.

Yang turut disebut adalah anak tiri Najib, Riza Aziz dan bekas Naib Ketua Pemuda UMNO, Khairul Azwan Harun (Azwan Bro).

Individu asing pula adalah kerabat diraja dari Emiriah Arab Bersatu (UAE), Sheikh Mansour bin Zayed Al Nahyan; Khalifa bin Zayed bin Sultan Al Nahyan dan Sheikh Mansur Mansour bin Zayed bin Sultan bin Zayed bin Khalifa Al Nahyan.



PRESIDEN Majlis Peguam, Abdul Fareed Abdul Gafoor.

8. Majlis Peguam mahu rakaman audio disiasat

KUALA LUMPUR: Rakaman audio membabitkan individu kenamaan termasuk perbualan antara Datuk Seri Najib Razak dan isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor perlu terus diserahkan kepada pihak berkuasa berkaitan untuk menjalankan siasatan.

Presiden Majlis Peguam, Abdul Fareed Abdul Gafoor, berkata ia tidak sepatutnya didedahkan kepada orang awam kerana pendedahan kes membabitkan skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan SRC International Sdn Bhd (SRC) itu dilihat sebagai subjudis, menghina mahkamah dan melanggar Akta Rahsia Rasmi (OSA) 1972.

"Media turut melaporkan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (Latheefa Koya) sudah mengesahkan kesahihan audio itu, yang dilihat sepatutnya ia menjadi peranan mahkamah untuk berbuat demikian jika kes itu didakwa di mahkamah.

"Majlis Peguam menggesa siasatan menyeluruh dijalankan susulan pendedahan yang dilakukan secara tidak langsung menimbulkan kebimbangan kepentingan awam.

"Kedaulatan undang-undang akan terus dihormati apabila prinsip akauntabiliti, ketelusan, tadbir urus dan kepentingan orang awam dijaga," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Mengulas lanjut, Abdul Fareed berkata pihaknya terkejut dengan pendedahan audio itu yang disifatkan SPRM sebagai penyalahgunaan kuasa yang serius, konspirasi jenayah, menjejaskan aspek keselamatan negara dan menghalang keadilan.

"Majlis Peguam terkejut membaca laporan media yang merumuskan audio itu sebagai konspirasi politik di peringkat tertinggi.

"Pendedahan SPRM itu tidak pernah berlaku sebelum ini dan tidak wajar, ia turut menyebabkan kes itu 'diadili' oleh media dahulu sebelum siasatan dijalankan," katanya.

Awal hari ini, Latheefa berkata SPRM sudah menyerahkan sebahagian daripada rakaman audio itu kepada polis untuk tindakan lanjut.

Semalam, SPRM mendedahkan nama 20 individu yang perbualan mereka dirakam, sama ada terbabit dalam perbualan atau disebut dalam rakaman berkisar mengenai skandal 1MDB dan SRC.

Senarai itu termasuk beberapa tokoh asing, diperoleh daripada sembilan set rakaman perbualan berdurasi keseluruhan 45 minit yang diperdengarkan SPRM pada satu sidang media.

Semua rakaman percakapan yang didedahkan itu berlaku antara 5 Januari hingga 29 Julai 2016, diperoleh SPRM pada awal tahun ini daripada entiti yang tidak didedahkan dan agensi antirasuah itu yakin rakaman terbabit adalah tulen



BEKAS Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak ketika prosiding perbicaraan kes yang dihadapinya berhubung dana SRC International Sdn Bhd ditangguh sebentar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur

9. Najib berhubung dengan Jho Low mengenai transaksi cek

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak mengakui beliau ada berhubung dengan ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low untuk memastikan ceknya dapat ditunaikan.

Bekas Perdana Menteri itu turut bersetuju dengan cadangan Timbalan Pendakwa Raya Datuk V Sithambaram bahawa Jho Low akan memastikan transaksi cek itu berjaya.

Sithambaram membuat cadangan itu ketika merujuk Najib kepada perbualan pesanan ringkas Blackberry (BBM) di antara Jho Low dan bekas Pengurus Perhubungan AmBank Joanna Yu Ging Ping.

Sithambaram: Saya katakan bahawa dalam perbualan ini menunjukkan ada beberapa keadaan Jho Low berhubung dengan kamu bagi memastikan transaksi cek ini.

Najib: Dalam kebanyakan masa melalui bekas Ketua Setiausaha Sulit saya, Allahyarham Datuk Azlin Alias.

Sithambaram: Tetapi Jho Low ada berurusan dengan kamu.

Najib: Ada beberapa kali tapi jarang sangat.

Sithambaram: Daripada perbualan BBM ini, kamu ada dimaklumkan mengenai baki dalam akaun bank kamu.

Najib: Bukan secara langsung, saya diberitahu melalui Azlin.

Sithambaram: Saya katakan kamu ada pengetahuan langsung status akaun kamu setiap masa

Najib: Saya tidak setuju

Dalam pada itu, Najib turut mengakui bahawa Jho Low akan memastikan beliau memiliki wang mencukupi dalam akaun untuk mengeluarkan cek.

Sithambaram kemudian merujuk kepada pesanan ringkas Jho Low kepada Joanna yang meminta pegawai bank itu untuk membuat pemeriksaan terhadap pindahan wang RM27 juta daripada syarikat Permai Binaraya Sdn Bhd kepada akaun Najib berakhir dengan nombor 880 kerana Ahli Parlimen Pekan itu hendak mengeluarkan cek.

Timbalan Pendakwa Raya kemudian merujuk kepada penyata bank yang menunjukkan kemasukan wang berjumlah RM27 juta pada Julai 2014 diikuti cek dikeluarkan pada 16 dan 25 Julai tahun sama.

Sithambaram: Ini jelas menunjukkan Jho Low pastikan kamu ada wang mencukupi dalam akaun untuk mengeluarkan cek.

Najib: Nampaknya begitu



AHMAD FAIZAL menerima cenderahati daripada Latheefa Koya (kanan) sempena kunjungan hormat SPRM ke negeri Perak di Bangunan Perak Darul Ridzuan hari ini.

10. Sebahagian rakaman audio diserahkan kepada polis - Latheefa

IPOH: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah menyerahkan sebahagian daripada sembilan rakaman klip audio yang didakwa perbualan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, dan beberapa individu berkaitan kes 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan SRC International Sdn Bhd (SRC), kepada polis.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Latheefa Koya, berkata pihaknya akan bekerjasama dengan polis dalam menjalankan siasatan terhadap rakaman klip audio itu dan kini sedang menunggu agensi itu untuk membuka kertas siasatan atau memanggil mana-mana pihak berkaitan memberi keterangan.

Beliau bagaimanapun tidak memberitahu bila sebahagian rakaman itu diserahkan kepada pihak polis.

Ditanya adakah SPRM bersedia mendedahkan kepada polis sumber yang menyerahkan rakaman audio itu kepadanya, Latheefa berkata:

"Sudah tentu apa yang kami dedahkan perlu disiasat dan kami sudah memaklumkan kepada pihak polis sebab mereka perlu memulakan siasatan.

"Dalam pendedahan itu, ada beberapa elemen kesalahan yang mana pihak SPRM pun boleh siasat dan pihak polis pun boleh siasat, jadi kita akan menyerahkan kepada pihak yang berkuasa (menjalankan siasatan lanjut)," katanya.

Beliau bercakap pada sidang media selepas mengadakan kunjungan hormat terhadap Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu, di pejabatnya di sini hari ini.

Semalam, SPRM mendedahkan nama 20 individu yang perbualan mereka dirakam, sama ada terbabit dalam perbualan atau disebut dalam rakaman perbualan berkaitan skandal dana 1MDB dan SRC.

Senarai itu termasuk beberapa tokoh asing, diperoleh daripada sembilan set rakaman perbualan berdurasi keseluruhan 45 minit yang diperdengarkan SPRM pada satu sidang media.

Semua rakaman percakapan yang didedahkan itu berlaku antara 5 Januari hingga 29 Julai 2016, diperoleh SPRM pada awal tahun ini daripada entiti yang tidak didedahkan dan agensi antirasuah itu yakin rakaman terbabit adalah tulen.

Mengenai kenyataan barisan peguam Najib yang mahu mengambil tindakan undang-undang terhadap Latheefa dan SPRM berhubung pendedahan rakaman audio itu, Latheefa berkata itu adalah hak mereka untuk berbuat demikian.

"Saya tidak mahu komen lanjut, dia boleh buat apa yang dia mahu buat berhubung isu ini," katanya.

Ditanya mengenai dakwaan pendedahan itu bermotif politik kerana dilakukan menjelang Pilihan Raya Kecil Parlimen Kimanis pada 18 Januari ini, beliau berkata terpulang kepada sesiapa sahaja untuk bercakap apa pun kerana ia adalah hak mereka untuk mengemukakan pendapat.



Datuk Seri Najib Razak (kanan) dan Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad

11. Najib arah beli semula Merdeka Palace - Saksi

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi di sini, hari ini diberitahu bekas Pengerusi Felda, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, menerima arahan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, supaya membeli semula Merdeka Palace Hotel & Suites (MPHS) di Kuching, Sarawak selepas cadangan pembeliannya ditolak Ahli Lembaga Pengarah (ALP) Felda Investment Corporation Sdn Bhd (FICSB).

Bekas Pegawai Khas Mohd Isa, Muhammad Zahid Md Arip, 53, ketika membacakan pernyataan saksinya berkata, arahan itu diterima Mohd Isa menerusi panggilan telefon daripada Najib pada Mac 2014 ketika di Lobi Parlimen.

Muhammad Zahid mendengar terdengar perbualan Mohd Isa yang berkata, "Memang pun BOD (Ahli Lembaga Pengarah) sudah tolak... kalau you suruh, I buatlah. Tiada masalah, apa kata you lah, I buat.

"Kemudian, Mohd Isa berpaling kepada saya memberitahu, 'Yid (Muhammad Zahid), Perdana Menteri (Najib) suruh buka balik, kena beli balik hotel Sarawak tu, ni nak kena panggil Mohd Zaid Abdul Jalil (Ketua Pegawai Eksekutif FICSB)'.

"Saya terkejut dan berkata kepada Tan Sri Isa, 'Oh! Iya ke PM (Perdana Menteri) suruh buka balik'. Saya faham Tan Sri Isa maksudkan PM merujuk kepada Najib iaitu Perdana Menteri ketika itu," katanya.

Saksi pendakwaan ke-21 itu berkata demikian ketika membaca pernyataan saksi pada hari ke-14 perbicaraan kes pecah amanah dan rasuah RM3 juta Mohd Isa berhubung pembelian MPHS oleh FICSB di hadapan Hakim Mohd Nazlan Mohd Ghazali.

Muhammad Zahid berkata, keesokan harinya selepas Mohd Zaid bertemu dengan Mohd Isa, beliau singgah ke bilik Mohd Zaid dan memaklumkan mengenai pembelian semula MPSB.

"Saya bertanya kepada Zaid, "Macam mana you nak buka, sedangkan BOD dah tolak? Mohd Zaid menjawab, "Nak buat macam mana, ini arahan PM, kita kena buatlah. Saya menjawab, ok," katanya.

Muhammad Zahid yang memegang jawatan pegawai khas Mohd Isa selama enam tahun sejak 2011 berkata, ketika di pejabat Felda, Mohd Isa bertanya adakah bekas Ahli Lembaga Pengarah Gagasan Abadi Properties Sdn Bhd (GAPSB), Ikhwan Zaidel, ada menghubunginya.

"Tan Sri bertanya kepada saya, "Ada Sarawak tu call? saya faham 'Sarawak' itu merujuk kepada Ikhwan dan Ibrahim Baki. Saya jawab "tidak."

"Tan Sri Isa kemudian berkata "Kau call dia orang, kirim salam tanya khabar. Saya faham apa yang Tan Sri Isa maksudkan. Ia bukan sekadar salam biasa dan sebenarnya Tan Sri Isa minta saya hubungi Ikhwan untuk dapatkan dana politik.

"Saya pun menghubungi Ikhwan untuk dapatkan dana politik. Saya menghubungi Ikhwan dan maklumkan Tan Sri Isa kirim salam. Ikhwan memberikan respon kepada saya dan menyatakan "Oh, tak apa, nanti kita jumpa," kata Muhammad Zahid.

Dalam pemeriksaan balas oleh peguam Datuk Salehuddin Saidin yang mewakili Mohd Isa, ditanya sama ada saksi bersetuju maksud sampaikan salam itu pada pemahaman beliau ialah meminta duit adalah tidak berasas, Muhammad Zahid menjawab: "Tidak setuju."

Salehuddin: Adakah kamu setuju bahawa Tan Sri Isa minta duit (RM3 juta), itu adalah rekaan kamu sahaja.

Muhammad Zahid: Saya tidak setuju Yang Arif.

Mohd Isa, 71, menghadapi satu pertuduhan pecah amanah dan sembilan pertuduhan menerima rasuah berjumlah lebih RM3 juta yang didakwa dilakukan di Menara Felda, Platinum Park, Persiaran KLCC antara 29 April 2014 dan 11 Disember 2015

12. Arul bangkitkan beberapa perkara untuk digugurkan - Saksi

BEKAS Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Arul Kanda Kandasamy hadir pada perbicaraan pertuduhan meminda Laporan Akhir Audit 1Malaysia Development Berhad (1MDB) di Mahkamah Tinggi, Jalan Duta.

KUALA LUMPUR: Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Arul Kanda Kandasamy, membangkitkan beberapa perkara dalam Laporan Akhir Audit 1MDB untuk tujuan digugurkan.

Antaranya, perkara membabitkan perkataan oleh pasukan audit dalam laporan itu yang subjektif dan perkara yang tiada bukti sokongan kuat.

Bekas Pengarah Audit Jabatan Audit Negara (JAN), Saadatul Nafisah Bashir Ahmad, dalam keterangan di Mahkamah Tinggi di sini, hari ini, berkata kebanyakan perkataan dalam laporan itu ditukar.

Saadatul Nafisah yang juga saksi pendakwaan ketujuh, ketika membacakan pernyataan saksi berkata, pasukan audit ketika itu berasa hairan dengan tindakan Arul Kanda kerana beliau baru saja membaca dan meneliti setiap perkara dalam laporan berkenaan.

"Walhal, pihak JAN sudah memberi peluang kepada pasukan audit menyuarakan apa-apa perkara atau isu berbangkit pada hari Exit Conference, iaitu pada 16 Disember 2015," katanya.

Saadatul Nafisah berkata demikian pada perbicaraan kes pindaan Laporan Akhir Audit 1MDB yang dihadapi bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, dan Arul Kanda yang didakwa bersubahat melakukan kesalahan itu.



BEKAS Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

13. Bekas KSN larang cetak laporan audit 1MDB sebelum Najib setuju - Saksi

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi di sini, hari ini, diberitahu bahawa bekas Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Dr Ali Hamsa, meminta supaya Laporan Akhir Audit 1Malaysia Development Berhad (1MDB) tidak dicetak sehingga mendapat arahan dan persetujuan Datuk Seri Najib Razak.

Perkara itu dimaklumkan oleh bekas Pengarah Audit Jabatan Audit Negara, Saadatul Nafisah Bashir Ahmad, dalam perbicaraan di hadapan Hakim Mohamed Zaini Mazlan.

Dalam keterangannya, Saadatul Nafisah turut memberitahu bahawa bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Arul Kanda Kandasamy, membangkitkan perkara dalam Laporan Akhir Audit 1MDB untuk digugurkan.

"Antaranya, perkataan mengenai pendapat pasukan audit yang subjektif dan tidak mempunyai bukti sokongan kuat," katanya.

14. 'Kami mahu jaga (kepentingan) kepimpinan' rujuk kepada PM - Saksi

BEKAS Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ali Hamsa ketika ditemui di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

KUALA LUMPUR: Kenyataan 'kami mahu menjaga (kepentingan) kepimpinan kami' oleh bekas Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ali Hamsa dalam satu mesyuarat pada 2016, merujuk kepada Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Najib Razak.

Ali membuat kenyataan berkenaan pada Mesyuarat Penyelarasan Laporan Audit 1Malaysia Development Berhad (1MDB) pada 24 Februari 2016 yang memutuskan untuk meminda dan menggugurkan beberapa perkara kontroversi daripada laporan awal.

Perkara itu dinyatakan saksi pendakwaan ketujuh, bekas Pengarah Audit Jabatan Audit Negara (JAN) Saadatul Nafisah Bashir Ahmad ketika menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Seri Gopal Sri Ram pada sesi pemeriksaan utama.

Sri Ram mengemukakan soalan berkenaan selepas Mahkamah Tinggi mendengar rakaman audio mesyuarat penyelarasan berdurasi dua jam 45 minit yang dibuat Pengarah Audit (Sektor Tadbir Urus) JAN, Nor Salwani Muhammad.

Nor Salwani dalam keterangan sebelum ini mengakui meletakkan alat perakam itu dalam bekas pensil Saadatul Nafisah tanpa pengetahuannya sebelum mesyuarat Penyelarasan Laporan Audit 1MDB bermula.

Saadatul Nafisah berkata, apa yang difahami dengan ayat 'kami mahu menjaga (kepentingan) kepimpinan kami' ialah merujuk kepada Perdana Menteri.

Sri Ram: Dalam transkrip perbualan ini, ia merujuk kepada Lembaga Pengarah 1MDB... Adakah kamu tahu siapa Pengerusi Lembaga Pengarah 1MDB?

Saadatul Nafisah: Menteri Kewangan yang juga Perdana Menteri.

Sri Ram: Jadi ia adalah tertuduh Najib?

Saadatul Nafisah: Ya.

Sri Ram kemudian mencadangkan kepada saksi bahawa jika Mesyuarat Penyelarasan itu tidak diadakan, maka bukti berhubung pindaan kepada Laporan Akhir Audit 1MDB tidak akan wujud.

Saksi bersetuju dengan cadangan berkenaan.

Ditanya pindaan itu memberikan faedah kepada pihak mana, Saadatul Nafisah berkata, ia lebih kepada Ali dan negara.

"Ia adalah kerana ia boleh menjejaskan negara dan pasaran saham serta beberapa isu sensitif dalam laporan itu juga tidak perlu dibangkitkan," katanya.

Dalam prosiding sebelum ini, Ali yang dipanggil selaku saksi pendakwaan keempat mendedahkan bahawa beliau mengadakan mesyuarat penyelarasan itu di pejabatnya membabitkan pihak 1MDB dan beberapa agensi berkaitan selepas diarahkan oleh Najib.

Saadatul Nafisah yang menceritakan lanjut mengenai mesyuarat terbabit, berkata beliau dan bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang mempertahankan penemuan jabatan itu dalam laporan asal Audit 1MDB (sebelum pindaan) walaupun tidak dipersetujui oleh pihak lain.

Beliau berkata, bekas Ketua Setiausaha Sulit Najib, Tan Sri Shukry Mohd Salleh yang hadir pada mesyuarat itu tidak bersetuju dengan pendapat JAN berkaitan laporan terbabit.

"Mereka tidak bersetuju dengan pandangan kami, pandangan Ambrin... ia hanya pandangan yang boleh dipersetujui atau tidak.

"Tetapi sebagai juruaudit, kami perlu memberikan pandangan kami," katanya.

Antara individu yang hadir pada mesyuarat itu ialah Ali, bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Arul Kanda Kandasamy, Shukry dan bekas wakil Pejabat Peguam Negara, Tan Sri Dzulkilfi Ahmad.



Bekas Pengarah Audit JAN, Saadatul Nafisah Bashir Ahmad (tengah) hadir di Mahkamah Tinggi, Jalan Duta.

15. Hanya 60 peratus maklumat daripada 1MDB diperoleh untuk laporan audit

KUALA LUMPUR: Jabatan Audit Negara (JAN) hanya memperoleh 60 peratus maklumat yang diperlukan daripada 1Malaysia Development Berhad (1MDB) bagi menyiapkan Laporan Akhir Audit untuk dibentangkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

Sehubungan itu, jabatan berkenaan terpaksa mendapatkan maklumat lain daripada pihak ketiga termasuk Bank Negara Malaysia (BNM) dan Kementerian Kewangan selepas tidak menerima kerjasama sepenuhnya daripada syarikat pelaburan strategik negara itu.

Bekas Pengarah Audit JAN, Saadatul Nafisah Bashir Ahmad yang memberikan keterangan di Mahkamah Tinggi hari ini, berkata ia berikutan pihaknya menunggu masa selama berbulan-bulan untuk mendapatkan maklumat terbabit daripada syarikat itu.

Saadatul Nafisah yang menjawab soalan peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mewakili Datuk Seri Najib Razak pada sesi soal balas berkata, beliau juga beberapa kali menghubungi Pengerusi Lembaga Pengarah 1MDB untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan.

Saadatul Nafisah berkata demikian ketika menjelaskan mengapa pihaknya terpaksa mendapatkan pihak ketiga untuk memperoleh maklumat bagi menyiapkan laporan berkenaan.

Saksi pendakwaan ketujuh itu juga mengesahkan bahawa pihaknya tidak memberikan laporan interim dan laporan akhir audit kepada 1MDB dan pihak lain kecuali kepada bekas Ketua Setiausaha Sulit Najib iaitu Tan Sri Shukry Mohd Salleh.

Ditanya Muhammad Shafee sama ada Shukry adalah lebih penting, saksi itu menjawab: "Saya diarahkan untuk berbuat demikian."



Bekas Pengerusi FELDA, Tan Sri Shahrir Abdul Samad (kanan) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas tuduhan tidak mengisytiharkan pendapatan RM1 juta yang diterima daripada Datuk Seri Najib Razak

16. Shahrir mengaku tidak bersalah

KUALA LUMPUR: Bekas Pengerusi FELDA, Tan Sri Shahrir Abdul Samad mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas tuduhan tidak mengisytiharkan pendapatan RM1 juta yang diterima daripada Datuk Seri Najib Razak.

Shahrir, 71, mengaku tidak bersalah atas pertuduhan itu yang dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Azura Alwi.

Mengikut pertuduhan, Shahrir dituduh membabitkan diri dalam pengubahan wang haram dengan cara tidak melaporkan pendapatan sebenar di dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan bagi Tahun Taksiran 2013 yang bertentangan dengan Seksyen 113(1)(a) Akta Cukai Pendapatan 1967, iaitu tidak mengisytiharkan pendapatan yang diterima daripada Najib berjumlah RM1 juta melalui sekeping cek AmIslamic Bank Berhad bertarikh 27 November 2013.

Cek itu kemudiannya telah dimasukkan ke dalam akaun Public Islamic Bank milik tertuduh pada 28 November 2013.

Oleh itu, tertuduh didakwa telah membabitkan diri secara langsung dalam transaksi yang melibatkan hasil daripada sesuatu aktiviti haram.

Shahrir dituduh melakukan kesalahan itu di LHDN, Cawangan Duta, Kompleks Pejabat Kerajaan, Jalan Tuanku Abdul Halim di sini pada 25 April 2014.

Pertuduhan mengikut Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM5 juta atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Norzilati Izhani Zainal @ Zainol dan Nik Haslini Hashim manakala Shahrir diwakili peguam Syahrul Syazwan Salehin dan Fahmi Abd Moin.

Semalam, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan Shahrir bersama-sama Ahli Parlimen Pontian, Datuk Seri Ahmad Maslan.

Ahmad turut didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, atas dua tuduhan membabitkan diri dalam pengubahan wang haram dengan tidak mengisytiharkan pendapatan yang diterima daripada Najib.

17. Keputusan Najib boleh panggil pakar sah tandatangan esok

KUALA LUMPUR: Permohonan Datuk Seri Najib Razak untuk memanggil pakar tulisan tangan dari Australia bagi memeriksa dan mengesahkan tandatangan pada dokumen SRC International Sdn Bhd, melengahkan prosiding perbicaraan, bersifat remeh dan sesuatu yang difikirkan kemudian.

Timbalan Pendakwa Raya Datuk V Sithambaram dalam hujahannya, berkata pihak pendakwaan menyatakan bahawa Najib adalah penandatangan pada dokumen itu, jadi beliau (Najib) perlu meneliti dan mengesahkannya.

Katanya, ia berdasarkan kenyataan Ahli Parlimen Pekan itu yang memberitahu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ketika disoal siasat bahawa tandatangan itu adalah miliknya.

"Perkara ini agak lucu, tandatangan setiap orang adalah berbeza, tidak pernah berlaku orang tidak kenal tandatangan sendiri.

"Dalam hal ini, dia (Najib) tidak boleh sahkan, pakar hanya dipanggil jika bukan kamu tandatangan dokumen itu, bukannya jika kamu ragu-ragu berbuat demikian.

"Oleh itu, tidak perlu memanggil pakar kerana isu ini tidak membabitkan pemalsuan, permohonan ini adalah sesuatu yang difikirkan kemudian, remeh dan melengahkan bicara," katanya.

Malah, Sithambaram berkata, pihak pembelaan tidak pernah menimbulkan isu pemalsuan tandatangan ketika kes pendakwaan membabitkan tuduhan pecah amanah, rasuah dan pengubahan wang haram dana SRC International berjumlah RM42 juta dihadapi Najib.

Katanya, ketika bekas Pengerusi Lembaga Pengarah SRC, Tan Sri Ismee Ismail dalam keterangannya mengesahkan tandatangan Najib, perkara itu tidak pernah dicabar oleh peguam tertuduh.

"Pembelaan langsung tidak membantah mengapa Ismee mengenal pasti ia adalah tandatangan Najib, itu adalah peluang yang baik untuk berbuat demikian.

"Semua peluang sudah ada depan mata, kami tidak pernah mendesak mereka, selama 57 hari (perbicaraan) tidak pernah timbul isu tandatangan dipalsukan, oleh itu mahkamah perlu menolak permohonan ini.

"Selaku Perdana Menteri ketika itu, tertuduh juga sepatutnya membuat laporan polis jika beliau mendapati dokumen yang tidak ditandatangani, menyebabkan banyak perkara timbul," katanya.

Menurut Sithambaram, Najib berhak mendapatkan dokumen yang diingini dalam mengemukakan pembelaan tetapi ia ada hadnya.

Sementara itu, peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mewakili Najib, berkata dokumen SRC International yang didakwa mempunyai tandatangan anak guamnya, dikemukakan di mahkamah dengan syarat ketulenannya boleh dicabar kemudian.

Beliau berkata, mahkamah boleh menyemak kembali keputusannya membabitkan perkara itu ketika barang bukti itu dikemukakan di mahkamah.

Katanya, tindakan pihak pendakwaan yang cuba menyekat pembelaan tertuduh, boleh membawa kepada prejudis terhadap perbicaraan kes itu.

Jelasnya lagi, pihak pendakwaan menunjukkan kepada Najib dokumen untuk mengesahkan tandatangan beliau, tetapi tidak menyatakan sama ada dokumen itu asli atau salinan.

Malah katanya, pihaknya pernah menunjukkan di mahkamah bagaimana 17 tandatangan boleh dipalsukan dengan senang.

Selepas mendengar hujahan kedua-dua belah pihak, Hakim Mahkamah Tinggi Mohd Nazlan Mohd Ghazali menetapkan esok untuk membuat keputusan.



Bekas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada hari ke-71 perbicaraannya atas tuduhan pecah amanah, salah guna kuasa dan pengubahan wang haram membabitkan dana sebanyak RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd (SRC) di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur hari ini.

18. Najib akui pencapaian terbesar SRC hanya 'parking' duit di Switzerland

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak mengakui pencapaian terbesar syarikat pelaburan strategik, SRC International Sdn Bhd, ialah apabila ia berjaya 'parking' wang berjumlah RM3.6 bilion di Switzerland.

Perkara itu dicadangkan Timbalan Pendakwa Raya, Datuk V Sithambaram, ketika menyoal balas Najib pada perbicaraan kes pecah amanah, rasuah dan pengubahan wang haram dana RM42 juta milik SRC yang dihadapi bekas Perdana Menteri itu.

Najib yang bersetuju dengan cadangan Sithambaram, berkata, "ya, ia untuk pelaburan dan duit (yang disimpan di Bank BSI Ltd, Lugano) itu macam transit.

Sithambaram kemudian mempersoalkan bagaimana wang yang banyak bagi tujuan pelaburan itu boleh disimpan dengan lama, selama tujuh tahun iaitu di antara tempoh RM2 bilion dikeluarkan melalui pinjaman SRC daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) dan sehingga beliau meninggalkan jawatan sebagai perdana menteri.

Najib bagaimanapun berkata ia adalah tanggungjawab Lembaga Pengarah SRC (untuk menguruskan pelaburan itu).

Dakwanya, beliau percaya dengan kebolehan Ahli Lembaga Pengarah SRC kerana mereka terdiri daripada individu yang berkelayakan dan berjaya dalam dunia korporat.

Sementara itu, Najib turut bersetuju dengan cadangan Sithambaram yang beliau tidak memaklumkan kepada Kabinet bahawa SRC tidak melakukan apa-apa dengan pinjaman RM2 bilion pertama daripada KWAP pada tahun 2011, walaupun beberapa kali mengadakan mesyuarat dengan bekas Ketua Pegawai Eksekutif SRC, Nik Faisal Ariff Kamil.

Ahli Parlimen Pekan itu turut bersetuju dengan cadangan bahawa tiada apa-apa hasil yang boleh ditunjukkan SRC melalui pinjaman keseluruhan RM4 bilion daripada KWAP.

Sithambaram kemudian mencadangkan kepada Najib bahawa ia adalah luar biasa apabila jaminan kerajaan diluluskan terlebih dahulu sebelum SRC membuat permohonan bagi pinjaman kedua berjumlah RM2 bilion daripada KWAP pada tahun 2012.

Peguam Farhan Read bagaimanapun membantah cadangan itu dengan alasan ia bersandarkan kepada bukti yang salah kerana terdapat permohonan daripada SRC bagi pinjaman terbabit.

Sithambaram kemudian membacakan sebahagian kenyataan saksi Najib yang menyatakan bahawa jaminan kerajaan dipersetujui Kabinet tanpa permohonan daripada SRC untuk pinjaman kedua.

Najib menjawab, beliau tidak pasti dengan perkara itu.

Apabila perkara sama dicadangkan sekali lagi oleh Sithambaram, Najib kemudian menjawab, "tidak bersetuju."

Najib kemudian disoal Sithambaram, sama ada beliau akan melaburkan wang di tempat yang tidak diketahui boleh memberikan keuntungan jika wang RM4 bilion itu adalah miliknya.

Najib bagaimanapun tidak menjawab soalan itu.

Perbicaraan di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Mohd Nazlan Mohd Ghazali bersambung esok.

19. Najib mengaku belanja, tapi tidak tahu ia wang SRC

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak mengakui membelanjakan wang milik SRC International Sdn Bhd yang dipindah masuk ke dalam akaun peribadinya.

Najib yang disoal balas Timbalan Pendakwa Raya, Datuk V Sithambaram pada perbicaraan kes pecah amanah, rasuah dan pengubahan wang haram dana RM42 juta SRC, berkata beliau membelanjakan wang itu kerana menyangka ia dana tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Katanya, ketika itu beliau tidak mengetahui wang yang dipindah masuk ke dalam akaunnya adalah milik SRC.

Sithambaram: Pada 26 Disember 2014, adakah kamu mengetahui wang RM27 juta masuk ke dalam akaun kamu?

Najib: Tidak

Sithambaram: Tetapi kamu membelanjakan setiap sen daripada wang itu?

Najib: Saya ingat itu wang CSR

Sithambaram: RM27 juta masuk dalam akaun kamu dan kamu belanjakan RM27 juta, ia sangat menakjubkan. Bagaimana kamu boleh belanjakan jumlah yang tepat jika kamu tidak tahu?

Najib: Saya tidak tahu itu wang milik SRC

Sithambaram kemudian merujuk Najib kepada beberapa transaksi yang menunjukkan bagaimana wang SRC disalurkan melalui akaun anak syarikat SRC iaitu Gandingan Mentari Sdn Bhd dan Ihsan Perdana Sdn Bhd sebelum dipindah masuk ke dalam akaun tertuduh.

Najib bagaimanapun mengulangi jawapan bahawa beliau tidak mengetahui mengenai transaksi berkenaan pada ketika itu dan tidak mengarahkan wang terbabit dipindah masuk ke dalam akaun peribadinya.



DATUK Seri Najib Razak, hadir pada prosiding bela diri terhadap tuduhan pecah amanah, rasuah dan pengubahan wang haram dana RM42 juta SRC International Sdn. Bhd di Mahkamah Tinggi.

20. Najib tidak periksa pemilik Tanore

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak tidak memeriksa identiti pemilik syarikat Tanore Finance Corp, iaitu syarikat yang menerima wang AS\$620 juta dipulangkan bekas perdana menteri itu hasil lebihan 'derma' daripada Arab Saudi yang diterimanya.

Najib berkata beliau tidak memeriksa pemilik syarikat itu adalah keluarga diraja Arab Saudi atau sebaliknya kerana ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau lebih dikenali dengan nama Jho Low adalah 'saluran' kepada keluarga diraja.

Najib yang menjawab soalan balas Timbalan Pendakwa Raya, Datuk V Sithambaram pada perbicaraan kes pecah amanah, rasuah dan pengubahan dana RM42 juta SRC International Sdn Bhd, berkata Jho Low dilantik sebagai wakil oleh keluarga diraja terbabit.

Disoal Sithambaram apakah yang dimaksudkan dengan wakil itu, Najib berkafa Jho Low berurusan dengan Putera Turki (Putera Arab Saudi, Turki bin Abdullah Al Saud).

Najib berkata, terdapat artikel mengenai pemilik syarikat Tanore dan beliau tidak tahu mengenainya pada ketika itu.

Sithambaram mencadangkan kepada Najib bahawa Tanore bukan dimiliki oleh keluarga diraja Arab Saudi, yang dijawab, "Saya tidak boleh sahkan."

Sithambaram kemudian menyoal dengan lebih lanjut bagaimana Najib mengetahui secara peribadi bahawa Jho Low sememangnya dilantik sebagai wakil oleh keluarga diraja Arab Saudi.

Peguam itu mencadangkan sama ada keluarga diraja Arab Saudi 'meletakkan' beliau dan Jho Low bersama-sama dalam sebuah bilik dan memaklumkan ahli perniagaan itu adalah wakil yang dilantik.

Najib kemudian menjawab, "saya tahu ia adalah fakta."

Timbalan Pendakwa Raya itu sekali lagi mempersoalkan berhubung 'wang derma' yang didakwa diterima Najib, dengan mencadangkan bahawa wang diterima di antara tahun 2011 dan 2014 bukan diterima daripada keluarga diraja Arab Saudi.

Najib bagaimanapun tidak bersetuju dengan cadangan itu.

Sithambaram: Malangnya tiada kerabat diraja yang boleh mengesahkan perkara ini di mahkamah

Najib: Kita tidak dapat ...susah untuk bawa mereka ke sini

Sithambaram: Saya rasa lagi baik tidak payah cuba bawa mereka ke mahkamah untuk menyokong cerita kamu?

Najib: Saya tidak setuju



Najib hadir pada prosiding bela diri terhadap kes tuduhan pecah amanah, pengubahan wang haram dana RM42 juta SRC International Sdn Bhd di Mahkamah Tinggi Jalan Duta



Riza Aziz kini sedang menghadapi tuduhan rasuah di Malaysia kerana didakwa menggelapkan AS\$248 juta (RM1 bilion) daripada 1MDB.

21. Riza Aziz berdepan saman RM1.2b

LOS ANGELES: Pengendali skim penipuan 'pump-and-dumb', Jordan Belfort, yang diabadikan Martin Scorsese dalam filem *The Wolf of Wall Street* menyatakan dalam tuntutan saman bahawa beliau menjadi mangsa skim penipuan lebih besar yang didalangi penerbit filem terbabit.

Belfort memfailkan tuntutan AS\$300 juta (RM1.2 bilion) di Mahkamah Tinggi Los Angeles terhadap Red Granite Pictures dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Riza Aziz, dengan mendakwa beliau tidak mengetahui pembikinan filem itu dibiayai jutaan dolar yang dicuri daripada kerajaan Malaysia.

Riza Aziz kini sedang menghadapi tuduhan rasuah di Malaysia kerana didakwa menggelapkan AS\$248 juta (RM1 bilion) daripada 1Malaysia Development Bhd (1MDB), sebuah dana pembangunan negara.

Bapa tirinya, Datuk Seri Najib Razak yang juga bekas Perdana Menteri kalah dalam Pilihan Raya Umum lalu selepas dakwaan kehilangan kira-kira AS\$4.5 bilion (RM18.3 bilion) daripada dana itu.

Belfort yang menjalani hukuman penjara 22 bulan selepas pelabur kerugian AS\$200 juta pada awal 1990-an mendakwa skandal 1MDB mencemarkan kisahnya.

Belfort menjual hak memoir dan sekuel *Catching the Wolf of Wall Street* kepada Red Granite.

Bagaimanapun, selepas skandal 1MDB, tuntutan saman itu menyatakan bahawa syarikat itu tidak lagi dapat memanfaatkan sepenuhnya hak berkenaan.

Berdasarkan tuntutan saman itu, Belfort berkata beliau mempercayai Riza kerana dia menyatakan dana Red Granite daripada sumber sah termasuk daripada individu berpengaruh dan Goldman Sachs.

"Belfort benar-benar percaya diperdaya selepas mengetahui fakta sebenar mengenai sumber pembiayaan untuk Red Granite dan filem berdasarkan buku / kisahnya kerana pihak defendan menyembunyikan perbuatan jenayah dan sumber pendanaan ini daripadanya," menurut tuntutan saman.

"Sekiranya dia tahu, dia pasti tidak akan menjual hak-haknya."

Walau bagaimanapun, dalam wawancara dengan finews.com pada 2017, Belfort berkata apabila bertemu orang-orang Red Granite, beliau tahu mereka adalah 'penjenayah'.

"Saya bertemu dengan orang-orang ini, dan berkata kepada Anne (tunangnya), 'Orang-orang ini adalah penjenayah'," kata Belfort dalam temu bual itu.

Beberapa bulan selepas beliau menjual hak berkenaan, beliau berkata syarikat itu menganjurkan pesta membabitkan jutaan dolar di Cannes.

"Saya berkata kepada Anne, 'Ini adalah penipuan, siapa yang melakukan ini telah mencuri wang.' ... Saya tahu, ia sangat jelas".

Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat memfailkan saman pelucuthakan sivil pada 2016 untuk mendapatkan balik hasil daripada The Wolf of Wall Street, yang mencecah AS\$392 juta (RM1.6 bilion) di seluruh dunia. Pada Mac 2018, Red Granite bersetuju untuk membayar AS\$60 juta (RM244 juta) untuk menyelesaikan tindakan pelucuthakan sivil.

Peguam Red Granite, Matthew Schwartz dari Boies Schiller Flexner, mengatakan bahawa saman Belfort tidak mempunyai merit.

"Tuntutan Jordan Belfort tidak lebih daripada cubaan terdesak dan sangat ironi untuk keluar daripada perjanjian bahawa buat kali pertama dalam hidupnya menjadikannya kaya dan terkenal melalui cara yang sah," kata Schwartz dalam satu kenyataan.

Pada 2017, kerajaan AS mengatakan bahawa Belfort hanya membayar balik AS\$12.8 juta daripada AS\$ 110 juta yang diperintahkan untuk dipulangkan kepada pelabur.

Belfort diwakili oleh Bryan Freedman dari Freedman dan Taitelman LLP. - Reuters

22. Asyraf digesa lapor polis, SPRM dakwaan skandal TH

KUALA LUMPUR: Ketua Pemuda UMNO, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki digesa membuat laporan kepada polis dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) jika mempunyai bukti kukuh wujudnya penyelewengan ketika urusan jual beli tanah Tabung Haji Plantation (THP).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa, mengalu-alukan jika ada laporan dibuat kepada pihak berkuasa untuk sebarang siasatan.

Beliau berkata, keputusan THP menjual tanah tidak membabitkan campur tangan politik, bahkan ia diputuskan sendiri pengurusan baharu syarikat berkenaan.

"Saya memberi sepenuh kepercayaan kepada agensi-agensi (dibawahnya) untuk menjalankan urusan mereka tanpa campur tangan politik. Perkara sama saya lakukan terhadap THP.

"Tabung Haji (TH) hanya memiliki 72 peratus saham dalam THP dan saya langsung tidak mencampuri sebarang urusan jual beli membabitkan THP.

"Ini kerana, saya berkeyakinan tinggi bahawa pihak pengurusan THP yang baharu dapat menyelamatkan syarikat ini daripada terus mengalami kerugian," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, sebarang transaksi jual beli adalah perkara biasa yang berlaku dalam mana-mana syarikat perniagaan.

"Saya hairan dengan dua individu (Asyraf dan Datuk Seri Najib Razak) yang membangkitkan isu jual beli tanah membabitkan THP sedangkan persoalan yang perlu ditanya, mengapa mereka membeli tanah ini dulu sehingga terpaksa dijual dan THP mengalami kerugian?" katanya.

Beliau juga berterima kasih kepada Asyraf kerana sanggup membuat sidang media bagi membuktikan bahawa Pakatan Harapan kini berada di landasan benar dengan menjalankan urusan pentadbiran telus tanpa sebarang campur tangan politik.

Asyraf semalam menunjukkan beberapa butiran yang dipercayai bukti penjualan TH pada sidang media khas di Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini.

23. Pendakwa Raya tolak representasi Kasitah Gadam

KUALA LUMPUR: Pendakwa raya menolak representasi dikemukakan bekas Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gadam, dalam kes melucut hak harta membabitkan wang RM100,000 yang disita Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tahun lalu.

Wang yang disita itu didakwa mempunyai kaitan dengan skandal syarikat pelaburan strategik negara, 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Dalam prosiding kes melucut hak harta itu hari ini, peguam Sasila Basri yang mewakili Kasitah memaklumkan kepada Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi, Datuk Ahmad Shahrir Mohd Salleh, pihaknya menerima keputusan pendakwaan menolak representasi itu petang semalam.

Sehubungan itu, Sasila akan mengemukakan representasi kedua dan diserahkan kepada pihak pendakwaan secepat mungkin.

"Kami menerima keputusan representasi ditolak petang semalam dan selepas berbincang, anak guam ingin mengemukakan representasi kedua," katanya.

Prosiding hari ini turut dihadiri Timbalan Pendakwa Raya, Nik Haslinie Hashim yang mewakili pendakwa raya selaku pemohon.

Mahkamah menetapkan 3 Mac depan untuk mendengar permohonan melucut hak harta itu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Latheefa Koya, dalam satu sidang media tahun lalu, berkata pihaknya memfailkan permohonan untuk melucut hak harta terhadap 41 responden bagi memperoleh semula dana kira-kira RM270 juta yang mempunyai kaitan dengan 1MDB.

Tindakan undang-undang itu diambil mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLA) di mana SPRM percaya wang berkenaan dipindahkan daripada akaun bank bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.



BEKAS Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gadam, hadir pada prosiding melucut hak harta di Mahkamah Tinggi Jenayah Kuala Lumpur



Pengerusi Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia Bhd (Koop Sahabat), Mohd Najib Mohd Noor menandatangani replika cek pada pelancaran i-Lestari Koop Sahabat sambil diperhatikan Mazri Mahmood (dari kiri), Hartati Abdul Jalil dan Norsharizal Mashahrin di MITC, Ayer Keroh Melaka

24. Koop Sahabat peruntuk RM54.8 juta pembiayaan i-Lestari untuk bantu usahawan

Ayer Keroh: Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad (Koop Sahabat) memperuntukkan pembiayaan peribadi i-Lestari berjumlah RM54.8 juta kepada ahlinya bagi tempoh lima tahun bermula Januari ini untuk mengembangkan perniagaan.

Pengerusi, Mohd Najib Mohd Noor, berkata seramai 190,000 anggota koperasi itu berpeluang memanfaatkan pinjaman peribadi bercagar maksimum RM300,000 dengan tempoh pembayaran antara tiga hingga 10 tahun.

Mohd Najib berkata, untuk tahun ini sahaja koperasi itu menyediakan peruntukan RM20 juta bagi menyediakan pinjaman i-Lestari dan i-Umrah yang sudah dilancarkan baru-baru ini.

"Pinjaman i-Lestari jauh lebih tinggi berbanding pinjaman maksimum RM30,000 yang disediakan AIM untuk usahawan yang kebanyakannya terbabit dalam industri kecil dan sederhana.

"Kami menggalakkan anggota Koop Sahabat yang terbabit dalam perniagaan pusat pelancongan, kereta sewa, hartanah, pembalakan dan seumpamanya untuk mendapatkan pinjaman i-Lestari," katanya selepas pelancaran produk berkenaan di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC).

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Koop Sahabat, Mazri Mahmood; Bendahari, Hartati Abdul Jalil dan setiausahanya, Norsharizal Mashahrin serta kira-kira 1,500 anggota Koop Sahabat Melaka dan Negeri Sembilan yang kemudian menghadiri mesyuarat agung koperasi berkenaan.

Selain i-Lestari, Mohd Najib turut melancarkan aplikasi mudah alih Sahabat Koop 'Super App' yang berfungsi sebagai platform digital membantu anggota memasarkan produk aplikasi e-dagang Sahabat Bazaar.

Aplikasi berkenaan turut menawarkan borang elektronik bagi memudahkan permohonan pinjaman, tabungan, insurans, tempahan atas talian dan menyertai lelongan gadaian anjuran Koop Sahabat.

Koop Sahabat akan mempergiat usaha menambah keanggotaan kerana daripada keseluruhan 380,000 anggota Sahabat AIM di seluruh negara, hanya 190,000 yang menganggotai koperasi berkenaan.

Koop Sahabat akan menambah tujuh lagi cawangan Sahabat Ar-Rahnu yang menawarkan perkhidmatan gadaian berasaskan syariah di seluruh negara tahun ini sebagai pelengkap 15 yang sedia ada.